

23 AUG 2003

Gerakan-Persidangan

PERSIDANGAN PERWAKILAN KEBANGSAAN GERAKAN KE-32 BERMULA

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Persidangan Perwakilan Kebangsaan Gerakan yang ke-32 bermula di sini hari ini dengan perasmiannya dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN).

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan para pemimpin parti komponen BN lain.

Persidangan itu dihadiri lebih 1,800 perwakilan, termasuk bekas presiden parti Tun Dr Lim Chong Eu serta anggota veteran Gerakan.

Selain ucapan Dr Mahathir dan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, agenda penting persidangan dua hari itu ialah membincangkan empat pindaan utama perlembagaan parti, termasuk cadangan melantik anggota jawatankuasa perhubungan Gerakan negeri yang dipilih, menjadi anggota Jawatankuasa Pusat (CC) secara automatik.

Cadangan itu akan membolehkan bilangan anggota CC sedia ada ditambah daripada 42 kepada 48 orang.

Cadangan lain ialah membolehkan maksimum 18 cawangan diwujudkan di setiap bahagian iaitu peningkatan daripada 12 cawangan sedia yang bertujuan membolehkan penyertaan yang lebih besar daripada anggota akar umbi.

Selain itu, keanggotaan cawangan juga akan ditingkatkan daripada minimum 50 orang kepada 100 orang supaya sesebuah kawasan perumahan boleh terima sebagai sebuah cawangan.

Parti itu turut mencadangkan supaya subcawangan menggandakan anggota seumur hidup kepada 300 dan mereka yang layak perlu menjadi anggota parti sekurang-kurangnya 20 tahun daripada tempoh 15 tahun sekarang.

Persidangan tahun ini juga dijangka akan meluluskan deklarasi untuk merakamkan penghargaan parti itu kepada Dr Mahathir yang akan melepaskan jawatan kerajaan dan Umno Oktober ini, di atas perkhidmatan dan sumbangan beliau kepada rakyat dan negara.

Gerakan juga berikrar memberi sokongan penuh kepada pengganti Dr Mahathir, Abdullah.

-- BERNAMA

AT HS LAT